

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN  
DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha untuk mempromosi tarikan pelancongan di negeri-negeri, khususnya yang berkaitan dengan alam semulajadi, contohnya hutan simpan, gunung, gua dan jeram yang terdapat di kawasan pedalaman negeri. Bagaimana negeri-negeri yang di luar "laluhan pelancongan" mendapat manfaat daripada Tahun Melawat Malaysia 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Tourism Malaysia aktif dalam mempromosikan destinasi dan produk pelancongan yang menarik, baru dan masih belum diterokai termasuklah segmen pelancongan alam semulajadi. Antara promosi yang dilaksanakan turut meliputi promosi antarabangsa melalui penyertaan pameran pelancongan dan aktiviti promosi oleh Pejabat Tourism Malaysia di luar negara. Tourism Malaysia turut menjemput negeri-negeri untuk mempromosikan dan memperkenalkan produk pelancongan yang baru dan unik untuk dipromosi dan dipakejkan dengan pengusaha pelancongan di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan keindahan alam semula jadi yang sebahagian besarnya berkedudukan di kawasan pedalaman dan

di luar laluan pelancongan biasa, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan segmen ekopelancongan dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan di seluruh negara.

Sememangnya menjadi misi dan visi Kementerian ini memastikan tiada negeri atau kawasan pelancongan yang terpinggir daripada inisiatif promosi pelancongan termasuk segmen pelancongan unik bagi negeri-negeri di luar “laluan pelancongan” biasa atau “*off-the beaten-track*” agar turut mendapat faedah dan manfaat daripada industri ini khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Antara segmen yang diketengahkan adalah seperti “*birdwatching*” yang terdapat di Kuala Gula Bird Sanctuary (Perak), Timah Tasoh Dam di Taman Negeri Perlis, Teluk Air Tawar (Pulau Pinang), Panti Bird Sanctuary (Johor) dan Fraser’s Hill.

Segmen *abseiling* dan *whitewater rafting* juga dipromosikan dengan pakej-pakej khas oleh pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan, contohnya di Ulu Geruntum, Gopeng. Bagi menambah nilai kepada pakej pelancongan ini, aktiviti “*caving*” di Gua Tempurung turut ditawarkan.

Selain itu, produk minat khas ‘*angling*’ memancing khususnya di laut dalam turut merupakan tarikan bagi pelancong asing untuk datang ke destinasi yang dianggap “*off-the beaten-track*”. Pelancongan sukan memancing ini mempunyai nilai faedah yang tinggi dan lestari (*high-value and sustainable touristic activity*) di mana pelancong-pelancong ini berbelanja lebih tinggi berbanding dengan pelancong biasa. Ia turut menyumbang kepada pendapatan nelayan tempatan melalui penyewaaan bot dan lain-lain perbelanjaan kepada penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.